

09 MAY 2001

Abdullah-perjumpaan (Bergambar)

ANGGOTA JAWATANKUASA PENGURUSAN UMNO DIMINTA TURUN PADANG

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Semua anggota Jawatankuasa Pengurusan Umno terutama naib-naib presiden parti diminta hadir pada perjumpaan yang diadakan oleh biro penerangan Umno di seluruh negara.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata keputusan untuk "turun ke padang" itu, yang diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan hari ini, bertujuan agar jawatankuasa-jawatankuasa yang baru dipilih dalam pemilihan bahagian diberikan nasihat yang mencukupi mengenai kegiatan parti.

Abdullah berkata ia juga bertujuan agar perbincangan dapat diadakan dengan anggota-anggota biro penerangan bagi memastikan kegiatan di peringkat bahagian dapat berjalan baik dan lancar.

"Segala aktiviti peringkat bahagian juga mesti meliputi semua aspek dan bukan berkaitan dengan pentadbiran parti sahaja," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno di Menara Dato Onn di sini, hari ini.

Abdullah berkata beliau juga mahu segala kegiatan tersebut dilaporkan kepada ibu pejabat Umno.

"Kita ingin tahu apakah kegiatan yang dijalankan oleh bahagian," katanya.

Abdullah juga ditanya mengenai saranan Ketua Umno bahagian Bagan Serai Datuk Zainal Abidin Zain semalam yang meminta Umno mengambil tindakan tegas ke atas anggota yang membuat aduan palsu berkaitan politik wang untuk mengelak perbuatan itu berulang di masa depan.

Abdullah berkata tindakan akan diambil terhadap mereka yang membuat aduan palsu.

"Untuk mengelak Lembaga Disiplin daripada menjadi tempat melemparkan pelbagai tuduhan maka mereka yang telah membuat tuduhan liar dan tidak berasas mungkin dikenakan tindakan," katanya.

Abdullah berkata Ketua Umno bahagian Cheras Datuk Syed Ali Alhabshee akan menjadi wakil Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan yang akan membantu menyelia pemilihan Umno bahagian Bukit Bintang yang menghadapi masalah.

Ditanya bila mesyuarat itu akan diadakan Abdullah berkata beliau berharap ia akan diadakan secepat mungkin.

Mengenai sambutan Ulang Tahun Umno ke-55 pada 11 Mei ini, Abdullah berkata Perdana Menteri yang juga presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi ucapan kepada veteran Umno yang akan datang dari seluruh negara.

Abdullah berharap Umno di setiap peringkat dapat mengadakan majlis doa selamat bagi memperingati hari penubuhan Umno itu.

-- BERNAMA

RV RV RI